

## 11) ISU PROJEK DAN UNIT KEDIAMAN BERSTRATA

Adun : Y.B. Puan Mariam Binti Abdul Rashid (Meru)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) **Berapakah bilangan projek dan unit kediaman terjejas oleh *backlog* strata mengikut daerah?**

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah *backlog* atau bilangan skim perumahan berstrata tanpa hakmilik strata di seluruh Negeri Selangor adalah sebanyak 649 skim melibatkan kira-kira 138,817 petak.

- b) **Apakah strategi kerajaan dalam menyelesaikan isu *backlog* strata di Selangor?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri senantiasa komited dalam usaha ke arah penyelesaian isu hakmilik sama ada hakmilik individu mahupun hakmilik strata. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) akan mengaturkan Mesyuarat Penyelarasan bersama pihak Pejabat Tanah dan Daerah, pihak pemaju, pelikuidasi serta agensi berkaitan bagi membincangkan penyelesaian isu hakmilik strata tersebut. Perincian data mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN**.

Selain itu, perkara melibatkan hakmilik strata akan dibentangkan dan dipantau secara berkala di peringkat Jawatankuasa Induk Dana Strata Selangor (DSS). Melalui platform ini, tindakan susulan dan penyelarasan dapat diperkemas untuk mempercepatkan proses penyelesaian hakmilik strata di seluruh negeri.

- c) **Apakah tempoh pelaksanaan bagi menyelesaikan semua *backlog* dan apakah sasaran penyelesaian unit setiap tahun?**

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini sasaran penyelesaian isu *backlog* strata oleh Jawatankuasa Induk Dana Strata Selangor (DSS) tertumpu kepada skim perumahan Rumah Kos Rendah (RKR) dan Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR) yang dianggarkan sekurang-kurangnya lima (5) projek dapat diselesaikan pada setiap tahun.

Kerajaan Negeri juga akan terus berusaha memastikan isu *backlog* strata dapat ditangani secara sistematik demi melindungi unit berstrata serta menjamin kesejahteraan komuniti strata di Negeri Selangor.

**LAMPIRAN**

| <b>BIL.</b>               | <b>PBT</b>                               | <b>JUMLAH<br/>SKIM</b> | <b>JUMLAH<br/>PETAK</b> |
|---------------------------|------------------------------------------|------------------------|-------------------------|
| 1.                        | Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)        | 13                     | 4,802                   |
| 2.                        | Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)     | 98                     | 14,407                  |
| 3.                        | Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)    | 75                     | 16,963                  |
| 4.                        | Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)      | 100                    | 35,780                  |
| 5.                        | Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)    | 103                    | 19,828                  |
| 6.                        | Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)         | 49                     | 9,164                   |
| 7.                        | Majlis Perbandaran Selayang (MPS)        | 74                     | 11,451                  |
| 8.                        | Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)         | 71                     | 13,153                  |
| 9.                        | Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)   | 9                      | 881                     |
| 10.                       | Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) | 25                     | 552                     |
| 11.                       | Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS)  | 32                     | 11,508                  |
| 12.                       | Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)        | 3                      | 328                     |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                                          | <b>649</b>             | <b>138,817</b>          |

